



MATA jalin kerjasama dengan Aplikasi Tawkeel untuk mencegah penipuan pengendali pelancongan badal umrah.

Cegah kes penipuan pengendali badal umrah

HARIAN METRO 12/1/2024 11:53:29

Kuala Lumpur: Persatuan Agensi Pelancongan Melayu (Mata) menjalin kerjasama dengan Aplikasi Tawkeel, syarikat teknologi terkemuka Arab Saudi untuk memanfaatkan teknologi inovatif bagi mencegah penipuan pengendali pelancongan badal umrah.

Aplikasi Tawkeel mendokumentasikan ibadah umrah secara langsung melalui tayangan video dan berkongsi foto dengan pelanggan.

Sijil umrah dihantar kepada pelanggan selepas selesai mengadakan ibadah umrah dan kad hadiah boleh diminta atas nama pelanggan.

Jemaah dari Aplikasi Tawkeel yang melakukan ibadah umrah secara proksi adalah sekumpulan penuntut universiti Islam dan penghafaz al-Quran.

Aplikasi Tawkeel boleh digunakan dalam lebih daripada sembilan bahasa bagi memudahkan proses komunikasi.

Presiden Mata, Datuk Dr Mohd Khalid Harun ber-

kata, Mata dan ahlinya, lebih 400 agensi pelancongan berlesen di negara ini akan mendapat akses Aplikasi Tawkeel, yang melaluiinya, proses mewakilkan orang berkelayakan untuk menuaikan badal umrah dengan tujuan memudahkan umat Islam di Malaysia yang tidak dapat melakukan ibadah umrah seperti meninggal dunia.

"Melalui teknologi visual, penyertaan antara kedua-dua pihak serta hak untuk mewakilkan pelanggan adalah satu platform seiring dengan usaha cemerlang Kementerian Haji dan Umrah dan wawasan 2030 Kerajaan Arab Saudi dalam transformasi digital semua perkhidmatan."

"Mata komited dalam memerangi penipuan badal umrah dan melindungi kepentingan umat Islam Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, Aplikasi Tawkeel berkongsi visi Mata untuk memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam membina ekosistem umrah yang boleh dipercayai.